

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU**

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Laluan
Rel Pantai Timur (ECRL) dan jangkaan siap sepenuhnya projek ECRL ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665km adalah projek infrastruktur rel yang akan menghubungkan empat buah negeri yang terletak di Pantai Timur dan di sebahagian Pantai Barat iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Pembinaan projek ECRL ini dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Mentakab dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang melalui Gombak dan Serendah.

2. Sehingga bulan Oktober 2024, status kemajuan bagi projek ini telah mencapai 74.43% secara keseluruhannya manakala status kemajuan berdasarkan pecahan mengikut negeri-negeri sepanjang jajaran ECRL adalah seperti berikut:

- (a) Kelantan – 84.02%
- (b) Terengganu – 88.32%
- (c) Pahang – 76.92%
- (d) Selangor – 43.98%

3. Pada masa ini, projek ECRL Fasa 1 iaitu dari Kota Bharu sehingga ITT Gombak akan siap seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala bagi Fasa 2 dari Gombak ke Jalan Kastam dijangka akan siap pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.